



**PEKELILING PENGARAH TANAH
DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

BAHAGIAN 5

**PENGAMBILAN BALIK
TANAH**

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH

WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 1 TAHUN 2011**

**PERLAKSANAAN SIASATAN PENGAMBILAN BALIK TANAH MENURUT AKTA
PENGAMBILAN TANAH 1960 [AKTA 486] OLEH PENTADBIR TANAH DAN
PENOLONG PENTADBIR TANAH DAERAH**

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menasihati Pentadbir Tanah mengenai keperluan untuk mengadakan siasatan pengambilan tanah mengikut prosedur siasatan sepertimana kehendak Seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. LATAR BELAKANG

2.1 Menurut Seksyen 9 Akta Pengambilan Tanah 1960, Pentadbir Tanah setelah menyempurnakan tindakan penandaan di atas tanah yang terlibat dengan pengambilan hendaklah memulakan prosiding pengambilan dengan memberi notis awam seperti di dalam Borang E (Notis Siasatan) dengan menetapkan tarikh siasatan bagi perbicaraan tuntutan pampasan bagi tanah tersebut. Notis Siasatan tersebut hendaklah diserahkan dengan sempurna kepada semua pihak yang berkepentingan menurut cara yang telah ditetapkan oleh Seksyen 52. Pentadbir Tanah adalah diingatkan bahawa siasatan tidak boleh diadakan lebih awal daripada tempoh dua puluh satu (21) hari selepas tarikh tersiarnya notis tersebut.

2.2 Pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mengadakan siasatan penuh terhadap nilai semua tanah yang dijadualkan dan seterusnya mentafsirkan amaun pampasan mengikut pendapat Pentadbir Tanah adalah berpatutan sepertimana yang telah dijelaskan di dalam Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] (Prinsip-Prinsip Berhubung Penentuan Pampasan).

2.3 Seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] memberikan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mengadakan siasatan pengambilan tanah. Persoalan mengenai kedudukan Pentadbir Tanah sama ada bersifat kehakiman atau pentadbiran semasa menjalankan siasatan telah diputuskan di dalam kes **Mallisamy a/l Periasamy & Anor melawan Pentadbir Tanah Melaka Tengah & Anor (1998) 5 MLJ 495** di mana Hakim Suriyadi menyatakan bahawa:-

“It is quite safe to say that in this case, the collector was carrying out his duty in a judicial capacity and thus bound by certain factor and required by the law. In this case, pursuant to that capacity once the collector had delivered his award, he should left the matters as they were. Any alteration, changes or amendments which were major and necessary should have been left to a court of higher jurisdiction. Since the collector becomes functus officio after passing an award, he will have no powers to make any major changes or alterations or corrections in the award”.

2.4 Oleh itu, “award” yang dibuat di dalam Borang G adalah tidak boleh dipinda oleh Pentadbir Tanah yang menjalankan siasatan atau oleh mana-mana pegawai lain.

2.5 Selain itu, di dalam kes **University Malaya & Anor melawan Pentadbir Tanah Persekutuan Kuala Lumpur [2003] 3 MLJ 185**, Hakim Abdul Hamid Bin Said menyatakan bahawa:-

“The decision made by the Land Administrator is an administrative decision”.

2.6 Walau bagaimanapun, peranan Pentadbir Tanah semasa siasatan dalam menentukan amaun pampasan adalah satu keputusan yang penting serta

mempunyai implikasi perundangan yang jelas. Oleh yang demikian, prosiding siasatan bagi pengambilan tanah haruslah dilaksanakan dengan cermat, kemas dan teratur serta memenuhi kehendak Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]. Ini adalah selaras dengan arahan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri supaya semua siasatan pengambilan tanah dilakukan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional.

2.7 Ini bermaksud **siasatan pengambilan tanah hanya boleh dikendalikan oleh Pentadbir Tanah dan Penolong Pentadbir Tanah sahaja**. Mana-mana **kakitangan kumpulan sokongan yang diwartakan di bawah Seksyen 12** Kanun Tanah Negara adalah **tidak dibenarkan** untuk mengendalikan siasatan pengambilan tanah.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pentadbir Tanah Daerah dan mula berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman

No. Fail : PTG. KED. U / 33 (P) / 2009

Tarikh : 19 Safar 1432

: 24 Januari 2011



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 2 TAHUN 2012**

**KELAYAKAN PEGAWAI UNTUK MENJALANKAN SIASATAN DI BAWAH KANUN
TANAH NEGARA 1965 DAN AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah Daerah mengenai kelayakan pegawai yang boleh menjalankan siasatan di bawah Bab 4, Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Pengambilan Tanah 1960.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kanun Tanah Negara 1965 melalui Bab 4 telah memberikan kuasa kepada Pengarah Tanah Negeri, Pendaftar, Pentadbir Tanah Daerah dan pegawai lain yang diberikan kuasa untuk menjalankan siasatan bagi melaksanakan peruntukkan yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara 1965. Antara peruntukkan yang terlibat dengan siasatan adalah Seksyen 261, Seksyen 299, Seksyen 302, Seksyen 311, Seksyen 380 dan Seksyen 390. Selain itu, Pentadbir Tanah juga mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan di Seksyen 14 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi menentukan nilai pampasan serta pihak yang berkepentingan terhadap pampasan tersebut.

2.2 Bagi menjamin kelancaran serta integriti siasatan yang dijalankan, Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan untuk hanya membenarkan pegawai-pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 ke atas) dan Penolong Pegawai Undang-Undang (Gred L29) yang telah diwartakan sebagai Penolong Pentadbir Tanah Daerah di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara sahaja menjalankan siasatan di bawah Seksyen 260 dan Seksyen 380 Kanun Tanah Negara 1965 serta Seksyen 14 Akta Pengambilan Tanah 1960.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

4. KUATKUASA

4. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Tarikh : 01 Rabiulakhir 1433

: 23 Februari 2012